

Berjasa hadapi krisis kepemimpinan

KOTA BAHARU, Rabu — Menjelang muktamar agungnya Sabtu ini, Berjasa sekarang menghadapi krisis kepemimpinan berikutan beberapa orang pemimpin peringkat pusat dan negeri bertindak keluar parti.

Setakat ini, tiga pemimpin dua di peringkat pusat dan seorang peringkat negeri telah meletakkan jawatan dan keluar dari parti itu.

Mereka ialah setiausaha agung Berjasa, Encik Imaail Haji Uli meletakkan jawatannya minggu lalu. Ahli Dewan Un-

dangan Negeri kawasan Simpangan merangkap Yang Dipertua Berjasa kawasan Tumpat, Encik Tahir Aziz, yang keluar daripada parti itu dan menyertai Umno.

Naib Presiden I Berjasa, Encik Yusoff Haji Noor juga meletakkan jawatannya sebagai orang nombor tiga di dalam parti, di samping jawatannya sebagai Yang Dipertua Berjasa kawasan Macang semalam.

Jawatan setiausaha agung Berjasa sekarang dipangku oleh Haji Abdul Ghani Mahmood yang

juga Ahli Exco Kerajaan Kelantan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tendung.

Encik Yusoff, seorang peguam di sini, berkata beliau telah meletakkan semua jawatan penting dalam parti.

Katanya, surat perletakkan jawatan dihantarkan kepada setiausaha Berjasa kawasan Macang dan pemangku setiausaha agung parti semalam.

Beliau menjelaskan, perletakkan jawatannya tidak ada hubungan langsung dengan krisis di peringkat pucuk pimpinan parti, sebaliknya untuk menumpukan sepenuh masa dalam bidang guaman.

"Saya tetap akan menjadi ahli Berjasa dan tidak akan bergiat cergas dalam politik buat sementara ini," ujarinya.

Encik Yusoff berkata, dia akan hadir dalam muktamar agung Berjasa Sabtu ini sebagai ahli biasa.

Muktamar agung Berjasa ini akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berita Harian difahamkan, pengunduran Encik Yusoff dari parti di peringkat Pusat dan menarik balik semua pencalonannya untuk bertanding bagi jawatan penting satu langkah untuk mengelakkan krisis kepemimpinan dalam parti itu.

Naib Presiden II, Drs Abdul Halim Mat Diah berpeluang untuk menjadi orang nombor dua dalam parti itu jika Haji Wan Hashim berjaya merebut jawatan Presiden.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia